



📷 PERLANTIKAN Zainani Jusoh sebagai Akauntan Negara baharu bagi menggantikan Datuk Nor Yati Ahmad yang tamat kontrak berkuatkuasa hari ini.

BERITA SEMASA

Zainani Jusoh dilantik Akauntan Negara baharu




Khadijah Mohamad Nor ✉ • 23 hours ago

👁 181 📖 1 minute read

KUALA LUMPUR – Timbalan Akauntan Negara (Korporat), Zainani Jusoh kini menggalas tanggungjawab sebagai Akauntan Negara yang baharu berkuat kuasa hari ini, menggantikan Datuk Nor Yati Ahmad yang bersara wajib.

Jabatan Akauntan Negara (JANM) dalam kenyataannya memaklumkan, surat pelantikan Zainani telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar pada 27 Ogos lalu di Putrajaya.

**All These Creative
Assets Could Be Yours**



(MIA) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA).



“Sepanjang lebih 30 tahun berkhidmat dalam sektor awam sejak 1994, beliau telah menabur bakti di pelbagai jabatan dan kementerian.

“Antaranya Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Luar serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT),” menurut kenyataan itu.

Related Articles



Anak beruang matahari ditemui dalam kereta

🕒 40 minutes ago



Polis rujuk wanita cuba dekati Sultan Nazrin ke Hospital Bahagia

🕒 11 hours ago

Zainani juga memainkan peranan penting dalam mentransformasikan pengurusan perakaunan di kedutaan Malaysia luar negara daripada manual kepada sistem digital sekali gus meningkatkan kecekapan, ketepatan dan kelancaran urusan kewangan.

Sebelum dilantik sebagai Timbalan Akauntan Negara (Korporat) pada September 2023, beliau pernah mengetuai Bahagian Khidmat Perunding JANM serta Bahagian Akaun Kementerian Kewangan dari 2019 hingga 2023.

Atas sumbangan dan kecemerlangannya, beliau menerima penganugerahan darjah kebesaran Bentara Setia Mahkota sempena Hari Keputeraan Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V pada 2015.

“JANM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan atas kepercayaan yang diberikan kepada Zainani untuk menggalas amanah sebagai Akauntan Negara mulai 3 September 2025,” jelas kenyataan itu.

Tags

akauntan negara

jabatan akauntan negara

pilihan

zainani jusoh

